

Hari Terbuka UMP pada 5, 6 Mac

KUANTAN, 25 Feb. - Universiti Malaysia Pahang (UMP) akan mengadakan hari terbuka selama dua hari pada 5 dan 6 Mac ini di Kompleks Sukan universiti itu di kampus Gambang di sini.

Naib Canselornya, Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, program tersebut membuka peluang kepada orang ramai yang ber-

minat melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi (IPT) itu dengan mendapatkan maklumat seperti semakan syarat kemasukan program, penawaran program, khidmat bimbingan dan kaunse-

ling serta semakan permohonan aplikasi dalam talian.

Menurutnya, program yang jumlah kali diadakan itu memberi kemudahan kepada mereka mendapatkan maklumat tentang program prasiswazah, program pasca siswazah dan program pembangunan profesional serta pengajian bertenusan secara berpusat.

“Pengunjung dapat menyaksikan kira-kira 200 produk yang dipertandingkan hasil ciptaan dan rekaan penyelidik serta penuntut UMP dalam bidang kejuruteraan, sains dan teknologi pada Pameran Reka Cipta dan Inovasi (CITREX).

“Pameran ini merupakan anjuran Jabatan Penyelidikan dan Inovasi membabitkan penyertaan lapan buah fakulti di universiti ini,” katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Menurut Daing Nasir, program tersebut juga dimeriahkan dengan penganjuran German Day oleh Pusat Akademik Jerman dan Kerjaya (GACC) membabitkan kira-kira 10 syarikat dan organisasi Jerman yang beroperasi di negara ini.

Katanya, menerusi program itu, orang ramai berpeluang mengetahui kaedah menjalankan penyelidikan, melanjutkan pengajian dalam bidang pasca siswazah, menjalani latihan industri di Jerman atau berminat untuk bekerja di luar negara.

“Kita juga menyusun beberapa aktiviti lain seperti Pameran Kerjaya dan Industri Jerman, Pameran Kebudayaan Jerman, Projek Orientasi Penuntut Berkumpulan dan pelbagai acara sampingan lain,” ujarnya.



DAING NASIR